



# PENGARUH AL-AZHAR TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU-MALAYSIA

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali \*

Nor Adina Abdul Kadir \*\*

## ABSTRACT

*The system of Islamic Education in Malaya has become more modern and efficient, as developed by prominent figures such as Allahyarham Prof. Zulkifli, Allahyarham Burhanuddin Helmi, Allahyarham Syed Syeikh Tahir Jalaluddin, Allahyarham Syed Alwi and a number of other figures. These scholars and education reformists have endeavoured in introducing the methodology of Islamic studies learning that is more systematic, holistic (which give priority to both the knowledge of this world and the hereafter) and modern, improving the pondok learning system in becoming more efficient, raising awareness of the development in the minds of the Malays who were confined by narrow-mindedness in regard to education of daughters, as well as explaining that Islam is a religion of development and a religion of high and noble intellect. The awareness of the importance of a more systematic and methodological Islamic education and knowledge had been much influenced by great thinkers in Egypt during that time, such as Syeikh Jamaluddin al-Afghani and Syeikh Muhammad Abduh, who had introduced a more critical and complex form of thought based on the changes and development of al-Azhar education. This article tries to explore the influence of al-Azhar in Malaya, from the pondok education system to a systematic education that gave emphasis on dualism of education (worldly and ukhrawi), which is also being manifested in the current Islamic education system at the universities level. Demands for the abilities and skills of Islamic Studies graduates who*

\* Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, PhD, Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Nor Adina Abdul Kadir, BUs, Penolong Penyelidik di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



*possess academic qualification in aspects of life such as economy, politics, administration and others are in fact a continuation of al-Azhar influence.*

**Keywords:** *Al-Azhar Influence, Pondok Education, Islamic Education, Dualism Education.*

## ABSTRAK

*Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu yang lebih moden dan efisen telah dibangunkan oleh tokoh-tokoh terkemuka seperti Allahyarham Prof. Zulkifli, Allahyarham Burhanuddin Helmi, Allahyarham Syed Syeikh Tahir Jalaluddin, Allahyarham Syed Alwi dan beberapa tokoh lain. Para ilmuwan dan pejuang pendidikan ini telah berusaha memperkenalkan metodologi pengajian pendidikan Islam secara lebih sistematis, menyeluruh (mementingkan ilmu dunia dan akhirat), moden, meningkatkan sistem pengajian pondok yang lebih efisen, menyedarkan dan menyuntik elemen pembangunan terhadap masyarakat Melayu yang dibelenggu fikiran jumud khususnya terhadap pendidikan anak-anak perempuan dan sekaligus menjelaskan bahawa Islam adalah agama pembangunan dan agama keintelektualan yang tinggi dan mulia. Kesedaran perihal pentingnya ilmu pendidikan Islam secara lebih bersistematik dan bermetodologi banyak dipengaruhi oleh pemikiran pejuang hebat di Mesir waktu itu seperti, Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh yang telah memperkenalkan bentuk pemikiran yang lebih kritis dan rencam yang didasarkan kepada perubahan dan perkembangan pendidikan al-Azhar. Tulisan ini cuba menerokai pengaruh al-Azhar terhadap perubahan sistem pendidikan pondok kepada sistem pendidikan bersistematik yang mengungguli dualisme pendidikan (duniawi dan ukhrawi) dan kini turut dimanifestasikan dalam sistem pendidikan Islam peringkat universiti-universiti di Malaysia khususnya. Permintaan terhadap kebolehan dan keupayaan graduan lepasan pendidikan agama yang memiliki kelulusan akademik dalam bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, pentadbiran dan sebagainya adalah rentetan daripada pengaruh al-Azhar tadi.*



*Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia*

**Kata Kunci:** *Pengaruh al-Azhar, Pendidikan Pondok, Pendidikan Islam, Pendidikan Dualisme.*

## **PENDAHULUAN**

Sejarah membuktikan bahawa sendi asas peradaban Islam adalah pendidikan yang *comprehensive* dan bersumberkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Islam memandang tinggi kepada ilmu pengetahuan kerana melaluiinya boleh membezakan antara insan dengan makhluk yang lain. Pendidikan yang komprehensif juga merupakan faktor utama yang membawa kepada kelahiran dan pertumbuhan peradaban apatah lagi kecenderungan pendidikan Islam adalah mewujudkan sumber ilmu pengetahuan di bawah autoriti dan pengendalian al-Qur'an dan al-Hadith yang merupakan teras pendidikan Islam dan kebudayaan Islam seluruhnya. Akidah Islam pula merupakan pusat bagi kesatuan ilmu-ilmu yang menentukan orientasi, matlamat dan metodologi ilmu-ilmu lain. Ini bererti, kebenaran mutlak yang terkandung dalam ilmu-ilmu agama dalam bidang mewarnai dan menjawai seluruh pendekatan Muslim kepada ilmu-ilmu lain seperti sains, biologi, perakaunan, undang-undang, ekonomi dan sebagainya. Konsep ilmu yang *unified* inilah menjadi dasar kepada konsep ilmu bersepadu dan sekaligus merupakan keistimewaan Islam yang berbeza dengan aliran pemikiran yang memisahkan antara teologi atau agama (ukhrawi) dengan sains dan dunia.

Keistimewaan seumpama ini dimanifestasikan oleh pendidikan Islam yang mendapat 'aura' kegemilangannya menerusi kegigihan cendekiawan Muslim dan ulama' Muslim Tanah Melayu yang rata-ratanya dimangkinkan dengan semangat nasionalis menentang kekuasaan penjajah. Golongan ini turut terpengaruh dengan gerakan dan idea Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad 'Abduh di al-Azhar, Mesir.<sup>1</sup>

Justeru, sorotan sejarah wajar dilihat secara ringkas bagi memahami senario pengaruh al-Azhar yang telah berlaku terhadap sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu-Malaysia.

## **SOROTAN SEJARAH**

Sebagaimana yang telah dinyatakan, bahawa kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan cendekiawan dan ulama Melayu memangkin proses pengaruh al-Azhar terhadap sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu.

Perasaan cinta dan taat setia kepada tanah air serta ingin membebaskannya daripada penjajahan disebut sebagai semangat kebangsaan.

<sup>1</sup> Mohammad Redzuan Othman (2006), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 109.



Kesedaran kebangsaan ini ialah kesedaran yang merentasi kampung, daerah dan negeri. Dalam konteks Tanah Melayu atau pada zaman pemerintahan British di Malaya seperti yang disebut oleh pihak penjajah, rakyat sedar bahawa mereka berada dalam belenggu penjajahan British.

Semangat kebangsaan di Tanah Melayu boleh dikesan sejak awal kurun ke-20 lagi iaitu setelah pihak British menguasai seluruh Tanah Melayu, di bawah sistem pemerintahan yang dibahagikan kepada Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Bersekutu.

Perlu ditegaskan bahawa semangat kebangsaan pada awal kurun ke-20 itu wujud di kalangan orang Melayu sahaja.<sup>2</sup> Ini kerana sehingga Perang Dunia Kedua, kaum Cina dan India yang menjadi buruh di Tanah Melayu masih lagi terikat dengan kecintaan terhadap negara asal mereka. Taat setia orang Melayu ialah terhadap Tanah Melayu dan kerana itu juga; pada tahap awal, masyarakat Melayu yang memikul tanggungjawab untuk membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajah British. Justeru, perbincangan ini akan hanya memokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh masyarakat Melayu sehingga tahun 1941, iaitu sehingga Jepun menawan Tanah Melayu dan British mengundurkan diri buat sementara waktu sebelum kembali dan seterusnya memberikan hak kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Sepanjang tempoh tersebut menyaksikan berlakunya perubahan di kalangan para cendekiawan Melayu-Arab yang inginkan perubahan dalam sistem pendidikan Islam dan sekaligus membawa pengaruh al-Azhar ke dalam sistem pondok di Tanah Melayu.

Untuk memahami rentetan peristiwa dan perubahan serta pengaruh al-Azhar terhadap sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu seterusnya akan dipaparkan faktor-faktor dalaman dan faktor luaran yang memangkinkan proses perubahan dalam sistem pendidikan Islam yang banyak dipengaruhi oleh sistem al-Azhar. Kesemua faktor ini mempunyai kaitan dengan sejarah yang berlaku di Tanah Melayu pada waktu itu.

## FAKTOR-FAKTOR DALAMAN<sup>3</sup>

### Gerakbalas Terhadap Pentadbiran British

Menjelang akhir abad ke-19, pihak British telah berpuas hati dengan kaedah pengukuhan kuasa, pengaruh dan kedudukan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Pihak British kemudiannya telah memulakan proses menginstitusikan berbagai-bagai bidang kerajaan yang merangkumi hampir semua aspek kehidupan iaitu politik, ekonomi dan sosial. Usaha untuk mencapai tujuan ini paling pesat dilakukan di Negeri-negeri Melayu

2 Ibid.

3 Ibid., h. x.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

Bersekutu. Akibat daripada keadaan ini, institusi Melayu tradisional dan elit Melayu tradisional mendapatkan diri mereka terpaksa mengambil peranan yang semakin kecil dalam hal ehwal kerajaan dan pentadbiran. Keadaan semakin buruk apabila pihak British telah mula membawa masuk imigran Cina dan India secara besar-besaran untuk mengeksplorasi sumber-sumber ekonomi yang masih belum diterokai oleh masyarakat Melayu dengan sepenuhnya. Keadaan menjadi lebih membimbangkan kerana menjelang tahun 1921; sejumlah 1,320,000 orang penduduk negeri-negeri Melayu Bersatu, 511,000 adalah orang Melayu, 495,000 orang Cina dan 305000 orang India. Keadaan ini menyebabkan kaum pendatang mula menguasai ekonomi di Tanah Melayu. Bangsa Melayu mulai sedar yang mereka telah ketinggalan dalam pembangunan ekonomi dan sosial manakala kaum bukan Melayu telah mendahului penguasaan mereka dalam kedua-dua bidang tersebut.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak British telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat Melayu, kerana mereka sedar hak mereka sebagai warga pribumi sedikit demi sedikit diambil alih oleh pihak pendatang dan kaum penjajah.

### Perkembangan Pendidikan

Menjelang akhir kurun ke-19, terdapat sekolah-sekolah pondok, madrasah, sekolah-sekolah Kebangsaan Melayu dan sekolah Kebangsaan Inggeris yang disediakan bagi orang Melayu. Sekolah-sekolah Melayu telah mula dibuka di kawasan-kawasan Barat dan Selatan Tanah Melayu sejak tahun 1880-an lagi. Pada dasarnya, tujuan British bukanlah untuk melahirkan golongan cerdik pandai di kalangan orang Melayu. Pihak British hanya ingin melihat anak-anak masyarakat Melayu menjadi lebih pandai sedikit daripada ibubapa mereka. Golongan yang belajar di sekolah Inggeris pula terdiri daripada anak-anak bangsawan yang ingin dijadikan oleh orang British sebagai pegawai dan pentadbir bawahan sahaja.

Oleh kerana penyediaan sekolah-sekolah Melayu oleh pihak Inggeris ini bukan sesuatu yang ikhlas; justeru tidak terdapat buku-buku teks dan kurikulum yang sesuai. Oleh itu, surat khabar Melayu telah digunakan sebagai bahan pengajaran, umpamanya ‘Jawi Peranakan’, ‘Khazanah al-Ilmu’ dan ‘Taman Pengetahuan’.<sup>4</sup> R. J. Wilkonson selaku penyelia sekolah-sekolah (1877-1895) mendapati bahawa surat khabar Melayu bersama pendidikan secara amnya, telah menyumbangkan kemajuan intelek dan material orang Melayu. Pendedahan kepada dunia luar melalui surat khabar telah membuka mata orang Melayu, terutamanya generasi muda terhadap isu-isu yang mempengaruhi orang Melayu.

<sup>4</sup> William R. Roff (2005), *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestaman (terj.). Kuala Lumpur: Penerbit: Universiti Malaya, h. 51.



Di samping itu, pendidikan agama yang dijalankan di sekolah-sekolah pondok<sup>5</sup> dan madrasah<sup>6</sup> telah mendapat sambutan hebat penduduk tempatan. Melalui sistem pendidikan ini, mereka dapat mempertahankan nilai-nilai keIslam semasa kemasukan kuasa British dan kemasukan kaum imigran. Namun, pada peringkat awal, sekolah-sekolah seumpama ini kurang memainkan peranan untuk menanam semangat kebangsaan. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1900, apabila Islam memasuki era reformasi, barulah sekolah-sekolah pondok dan madrasah telah mula membuka minda kaum Melayu terhadap masalah-masalah politik yang dihadapi oleh mereka di Tanah Melayu.<sup>7</sup>

Tegasnya, perkembangan pendidikan, terutamanya pendidikan Islam yang mewarnai keseluruhan etos Melayu telah memainkan peranan penting dalam kesedaran kebangsaan di kalangan orang Melayu khususnya apabila mendapat angin perubahan daripada Mesir-al-Azhar.

### Perkembangan Sistem Perhubungan Dan Media Massa

Sistem perhubungan yang telah dimajukan oleh pihak British demi kepentingan ekonomi mereka sekaligus telah turut membantu menyelesaikan halangan geografi di kalangan masyarakat Melayu. Misalnya, pada tahun 1910, terdapat lebih daripada 2400km jalan raya berturap. Sistem perhubungan ini dapat membantu mengurangkan sikap kekampungan, kedaerahan dan kenegerian. Masyarakat Melayu tidak kira dari daerah atau negeri yang berlainan dapat berhubung antara satu sama lain. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menyatupadukan penduduk Melayu, yang seterusnya mewujudkan identiti kebangsaan.

Idea dan pemikiran pemimpin-pemimpin Melayu yang berjiwa kebangsaan tersebar dengan pantas kepada masyarakat di kawasan perkampungan, melalui sistem perhubungan jalan raya dan jalan keretapi.

Selain daripada perkembangan sistem perhubungan yang digunakan sebagai jalan penyaluran semangat kebangsaan, media massa, terutamanya surat khabar turut digunakan sebagai medan untuk menyedarkan masyarakat Melayu terhadap keadaan mereka di tanah air. Salah satu daripada bahan bacaan terawal ialah 'Pengetahuan Bahasa', hasil karya Raja Ali Haji yang disusun pada tahun 1858. Karya ini membicarakan budaya Melayu yang

5 Awang Had Salleh (1977), 'Institusi Pondok Di Malaysia', dalam Zainal Kling (sunt.), *Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 33-49.

6 William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, p. 126.

7 Mohammad Redzuan Othman (2006), 'Malay, Islam and The Middle East Before World War II: A Critical Analysis On The Historical Sources', dlm. Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingam Sundara Raja (ed.), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 208.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

kian berubah akibat pengaruh British dan imigran Cina. Di samping itu, karya ini juga memperlihatkan pentingnya bahasa Melayu dalam budaya masyarakat Melayu sebagai alat menyatukan bangsa Melayu melalui satu identiti bahasa.

Jelas bahawa perkembangan sistem perhubungan dan media massa turut memainkan peranan penting dalam menentukan pergerakan masyarakat Melayu ke arah satu identiti iaitu identiti kebangsaan dan bukan lagi mengikut identiti kekampungan atau kedaerahan.

## FAKTOR LUARAN<sup>8</sup>

### Gerakan Islah Di Timur Tengah

Menjelang dekad pertama kurun ke-20, gerakan reformasi Islam telah sampai ke Tanah Melayu. Gerakan ini dipelopori melalui gerakan Wahabi oleh Syeikh Muhammad ‘Abduh dan Syed Syeikh Jamaluddin al-Afghani.

Syeikh Muhammad ‘Abduh telah menyesuaikan prinsip-prinsip Islam selaras dengan kehendak zaman moden, namun masih tetap dalam prinsip dan semangat ajaran dan agama Islam. Ajaran beliau adalah berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Syeikh ‘Abduh telah menyesuaikan beberapa isu sekunder yang berlaku dan bukannya yang premier (seperti akidah dan hukum hakam yang qat'ie) dengan pentafsiran dan pentakwilan yang lebih segar selaras dengan perkembangan moden tetapi masih tetap berdasarkan kepada ajaran al-Qur'an dan al-Hadith. Pada waktu itu, ajaran dan pandangan beliau dianggap baru, progresif dan revolusioner dan amat sesuai dengan zamannya.

Pada akhir abad ke-19, konsep pan-Islamisme telah mula diutarakan oleh Syed Syeikh Jamaluddin al-Afghani<sup>9</sup>, seorang pemuda reformis Islam yang radikal dan revolusioner. Konsep ini mempunyai matlamat untuk melahirkan semangat nasionalisme yang berteraskan ajaran Islam dan menghendaki satu bangsa yang berdasarkan ajaran Islam sepenuhnya dan sebuah negara Islam yang bersatu padu dan berdaulat.

Pada masa itu juga, ramai pelajar Melayu yang telah pergi ke luar negara, terutamanya ke Timur Tengah untuk mempelajari dan mendalami ajaran Islam. Tidak kurang juga yang pergi menunaikan fardu haji. Perkembangan reformisme yang berlaku di Timur Tengah pada waktu itu telah mempengaruhi kedua-dua kumpulan tersebut. Mereka mula menyebarkan gagasan baru kepada masyarakat Melayu berlandaskan agama Islam.

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Dwight E. Lee (1942), ‘The Origin of Pan-Islamism’, *The American Historical Review*, vol. 48, no. 2, p. 283.



Perkembangan di Timur Tengah merupakan sumber ilham bagi pertumbuhan kesedaran yang semakin meresapi masyarakat Melayu. Keadaan ini telah dipelopori oleh penuntut-penuntut Melayu yang telah pergi ke Timur Tengah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin<sup>10</sup> dan Sayyid Syeikh al-Hadi<sup>11</sup>. Mereka berusaha menyatupadukan masyarakat Melayu berdasarkan identiti ajaran Islam.

### Kekalahan Rusia Ke Tangan China

Dalam peperangan yang berlaku antara Russia dengan Jepun (1904-1905), kemenangan telah berpihak kepada Jepun. Kejayaan ini telah memberi ilham dan kesedaran kepada orang Asia termasuk bangsa Melayu bahawa Barat tidaklah sekuat seperti yang digeruni oleh mereka. Perang tersebut telah membuktikan bahawa sesebuah negara tidak mengira saiznya, boleh menjadi kuat seperti Jepun melalui kemajuan teknologi dan pendidikan telah berjaya menundukkan Rusia sebuah negara besar.

Pada tahun 1907, seorang tokoh bernama Abdullah Abdul Rahman telah menghasilkan karya berjudul ‘*Matahari Memancar*’ (*the rising sun*) yang menceritakan sejarah Jepun. Karya ini telah dialihbahaskan oleh beliau daripada karya Mustafa Kamal dari Turki yang asalnya dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Menurut Za’ba dalam *Modern Development*, h. 148; karya ini telah berjaya merangsang pembaca serta menimbulkan perasaan bangga dan harapan untuk membawa pembaharuan di Timur dan ini termasuklah kepada pembaca Melayu.<sup>12</sup>

Masyarakat Melayu mula yakin bahawa dengan penguasaan teknologi dan pendidikan, mereka juga mampu ‘menghalau keluar’ orang Inggeris dari Tanah Melayu. Realiti ini telah disedari oleh golongan terpelajar di Tanah Melayu. Antara mereka ialah Sayyid Syeikh al-Hadi yang mula menggalakkan masyarakat Melayu memajukan diri mereka dalam aspek ekonomi dan sosial, melalui ajaran Islam.

Kejayaan Jepun mengalahkan kuasa Russia telah memberikan kesedaran dan keyakinan bahawa masyarakat Melayu juga berkemampuan

10 Keterangan lanjut mengenai pelopor gerakan islah di Tanah Melayu ini sila rujuk Ismail Haji Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah (1993) “Syeikh Tahir Jalaluddin”, dalam Ismail Mat (sunt.), *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 29.

11 Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah hidup dan perjuangan beliau sila rujuk Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-5; Syed Alwi al-Hady (1999), “The Life of My Father”, dalam Alijah Gordon (ed.), *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son Syed Alwi al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sosiological Research Institute, h. 77.

12 William R. Roff (2005), *op.cit.*, h. 187.



*Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia*  
mempertahankan kepentingan mereka daripada terus dikuasai oleh pihak British.

### **Pergerakan Kebangsaan Di Indonesia**

Gerakan kemerdekaan rakyat Indonesia menentang pemerintahan Belanda telah memberi semangat kepada golongan Melayu yang inginkan pembebasan daripada penjajahan British. Sariket Islam yang ditubuhkan pada tahun 1912, dengan tujuan memelihara kebijakan dan ekonomi orang Indonesia, sekaligus menyatukan umat Islam melalui dakwah Islamiyyah merupakan parti yang amat popular di Pulau Jawa. Parti ini mendesak penjajah Belanda agar memberikan hak pemerintahan kepada rakyat Indonesia

Masyarakat Melayu di Tanah Melayu amat tertarik dengan ideologi parti tersebut apatah lagi terdapat banyak persamaan antara masyarakat Indonesia dan masyarakat Melayu di Tanah Melayu sama ada daripada aspek agama, bahasa dan kebudayaan. Ini telah memberikan ilham dan semangat perjuangan kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu.<sup>13</sup>

Di samping itu juga, dalam masa yang sama hubungan telah sedia terjalin di kalangan para pelajar Melayu Tanah Melayu yang sedang menuntut di Timur Tengah dengan golongan pelajar Indonesia yang turut sama menuntut di sana. Tujuan mereka adalah untuk saling bergandingan sama ada dari sudut kekuatan pemikiran, semangat juang maupun idea dan sama-sama ingin memperolehi pembebasan negara daripada penjajah.

### **PERKEMBANGAN KESEDARAN KEBANGSAAN DI TANAH MELAYU DAN KAITANNYA DENGAN PENGARUH AL-AZHAR**

Perkembangan kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu telah dipelopori oleh tiga kumpulan elit yang ingin membawa perubahan kepada masyarakat Melayu ke arah yang lebih baik.

Kumpulan yang pertama ialah golongan yang berpendidikan Arab/Timur Tengah yang ingin mengetengahkan Islam sebagai jalan dan metode utama untuk memajukan keadaan masyarakat Melayu. Golongan ini dipengaruhi oleh reformasi Islam yang berlaku di Timur Tengah.

Kumpulan kedua ialah mereka yang berpendidikan Melayu yang cuba menentang penjajahan dengan cara yang lebih radikal. Kebanyakan mereka terdiri daripada guru dan wartawan.

Kumpulan elit Melayu yang ketiga adalah yang berpendidikan Inggeris; terdiri daripada kelompok pentadbir dan pegawai am daripada kalangan bangsawan Melayu.

Sehubungan dengan itu, perbincangan seterusnya adalah tentang gerakan golongan pertama iaitu golongan berpendidikan Arab, Timur Tengah

13 *Ibid.*, h. 88-89.



dan tumpuan adalah kepada Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai reformis utama yang membawa perubahan ke arah pendidikan Islam yang lebih bersistematik. Beliau dibantu oleh rakan-rakan beliau yang secara langsung mempunyai perkaitan rapat dengan perjalanan dan proses pengaruh al-Azhar dalam sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu-Malaysia.

### Golongan Berpendidikan Arab/ Timur Tengah

Sejarah kebangkitan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu boleh dikesan sejak awal abad ke-20 iaitu sebagai gerak balas awal terhadap gerakan yang dilakukan oleh beberapa tokoh yang pulang dari Timur Tengah dan Mesir.<sup>14</sup> Oleh itu, pergerakan pada tahap awal ini lebih bercorak keagamaan. Berasaskan semangat kebangsaan ini juga telah turut memangkinkan perubahan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu yang lebih terpengaruh kepada sistem al-Azhar pada peringkat awal perubahannya.

Golongan ini kebanyakannya tinggal di kawasan bandar. Walaupun bilangan mereka kecil, tetapi mereka amat berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu. Golongan ini terdiri daripada masyarakat Melayu berketurunan Arab, India, Jawa dan Sumatera. Mereka telah berhijrah ke Tanah Melayu selepas bermulanya pentadbiran British di Tanah Melayu. Kebanyakan golongan ini bermastautin di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Antara kelompok tersebut, golongan imigran Arab yang telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan merupakan golongan yang paling terserlah dan dihormati. Ini adalah kerana golongan ini memperlihatkan akhlak yang baik, mulia, berpendidikan tinggi dalam bidang keagamaan dan hal ehwal perdagangan. Tambahan lagi, golongan ini walaupun masih lagi mengekalkan sebahagian daripada tradisi kearaban mereka khususnya dalam soal kebudayaan, namun golongan ini telah membuktikan bahawa mereka tetap mengamalkan cara hidup masyarakat Melayu dan bertutur dalam bahasa Melayu. Selain daripada itu, kekayaan golongan ini kerana kebijaksanaan mereka dalam berdagang telah turut menonjolkan pengaruh mereka di kalangan masyarakat tempatan.

Golongan kedua yang terpenting ialah masyarakat India Muslim yang telah berkahwin dengan wanita tempatan. Mereka dikenali sebagai ‘Jawi Peranakan’.<sup>15</sup> Golongan ini merupakan pedagang dan pekedai yang berjaya. Di kalangan mereka ada yang turut menganggotai pentadbiran British sebagai kerani, penterjemah, jurubahasa dan guru-guru bahasa Melayu yang bergelar ‘munshi’.

14 Mohammad Redzuan Othman (2006), *op.cit*, h. 102-103.

15 William R. Roff (2005), *op.cit*, h. 50.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

Sumbangan utama golongan Jawi Peranakan ini dapat dilihat dalam bidang penerbitan majalah dan akhbar yang berfungsi sebagai alat penyaluran untuk menyebarkan idea-idea pemulihan dan pembaharuan (*islah*) yang disuarakan oleh golongan keturunan Arab. Pada tahun 1876, sekumpulan Jawi Peranakan telah membuka jabatan percetakan dan mula mengeluarkan akhbar mingguan dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai ‘Jawi Peranakan’.<sup>16</sup> Akhbar ini sering memaparkan berita-berita luar negara, dalam negara dan berusaha memupuk pendidikan Melayu berasaskan ajaran Islam (*foster vernacular education*).

Selama tiga puluh tahun seterusnya, pihak penerbitan ini telah berjaya menerbitkan 16 jurnal berbahasa Melayu. Aspek utama yang acapkali ditekankan adalah berhubung dengan potensi pendidikan dan kepentingan kemajuan diri dan kemajuan komuniti masyarakat Melayu yang sewajarnya didasarkan kepada ajaran Islam. Aspek seumpama ini seringkali juga ditegaskan oleh golongan masyarakat Melayu berketurunan Arab.<sup>17</sup>

Bertitiktolak daripada semangat inginkan kemajuan diri dan umat Melayu tempatan, golongan masyarakat Melayu keturunan Arab telah menghantar anak-anak mereka untuk menimba ilmu pengetahuan di Timur Tengah, khususnya di universiti al-Azhar di Mesir. Ini kerana universiti tersebut amat tersohor dan telah berjaya menghasilkan graduan berpengetahuan dan cendekiawan berasaskan metode pendidikan yang lebih sistematik dan ‘agak moden’ berbanding dengan sistem pendidikan di Tanah Melayu yang pada ketika itu lebih tertumpu kepada sistem pondok dan hafalan semata-mata. Kaedah pengajian tersebut tidak meluas dan lebih kepada ‘bacaan kitab’ tanpa pentafsiran semasa sementara kumpulan pelajar yang menuntut di Timur Tengah telah terpengaruh dengan idea-idea Syeikh Muhammad ‘Abduh dan gerakan pan-Islamisme yang sedang berkembang di Asia Barat. Sekembalinya golongan terpelajar ini ke tanah air, mereka telah turut menyebarkan idea-idea tersebut di kalangan masyarakat tempatan Tanah Melayu. Antara pemimpin golongan ini yang terkenal ialah Syeikh Mohd. Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh al-Hadi, Prof. Dr Zulkifli, Syed Syeikh al-Azhari dan Syekh Mohd Salim al-Kalali. Golongan ini kemudiannya lebih dikenali sebagai ‘Kaum Muda’. Antara mereka ini, nama-nama seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh al-Hadi dan Prof Dr. Zulkifli paling menonjol yang membawa arus perubahan dalam sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu dan menyerlahkan pengaruh al-Azhar.

Sehubungan itu, penulis akan menyoroti secara ringkas sumbangan dan peranan Syeikh Tahir Jalaluddin yang turut dibantu rakan-rakannya dan pengaruh al-Azhar yang berjaya diketengahkan dalam perubahan

16 *Ibid.*

17 Mohammad Redzuan Othman (2006), *op.cit.*, h. 108.



sistem pendidikan Islam Tanah Melayu kerana beliau antara perintis dalam perjuangan perubahan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu.

### **SYED SYEIKH TAHIR JALALUDDIN (1869-1957)<sup>18</sup>**

Syed Syeikh Tahir Jalaluddin adalah pelopor utama yang membawa pemikiran ‘Abduh dan seterusnya membawa perubahan terhadap sistem pendidikan Islam di Malaya. Nama sebenar beliau ialah Muhammad Tahir bin Syeikh Muhammad dan telah dilahirkan pada hari Selasa, 4 Ramadan 1286Hijrah (7 November 1869) di Kota Tua Empat Angkat, Bukit Tinggi, Sumatera Barat.<sup>19</sup> Ayah beliau Syeikh Muhammad Jalaluddin seorang Melayu Minangkabau dan terkenal dengan nama Tuanku Muhammad atau Tuanku Changking.<sup>20</sup> Beliau adalah seorang guru agama dan meninggal dunia sewaktu Syeikh Tahir berusia dua tahun dan kemudiannya disusuli oleh kematian ibunya. Pada waktu itu beliau berusia lapan tahun dan dipelihara oleh ibu saudaranya. Ketika usia beliau 12 tahun, beliau telah ke Mekah untuk menuntut ilmu agama dan tinggal bersama sepupunya, Syeikh Ahmad Khatib yang merupakan Imam di masjid al-Haram dan ulama’ terkemuka di kalangan Melayu di Mekah.<sup>21</sup>

Selama 13 tahun di Mekah, beliau telah mendalamai al-Qur’ān, Ilmu Nahw, Ilmu Sarf, Ilmu Balaghah, Badi’ Arudh, Usul Fiqh, Ilmu Matematik, Handasah dan Falak. Menjelang Syawal 1310H, beliau berangkat ke Mesir melalui Singapura dan melanjutkan pengajian di al-Azhar. Beliau mendalamai ilmu-ilmu al-‘Arabiyyah, Syari’ah Wariyah dan ilmu Falak.<sup>22</sup> Beliau juga berjaya memperolehi Syahadah al-‘Alamiyah, Mesir. Semasa di al-Azhar, beliau telah terpengaruh dengan pemikiran dan penulisan Syeikh Muhammad ‘Abduh dan Sayyid Syeikh Jamaluddin al-Afghani. Beliau turut bersahabat baik dengan Syeikh Muhammad Rashid Rida dan telah memberikan sumbangan ilmiahnya kepada majalah al-Manar terbitan Rashid Rida dalam usaha menyumbangkan fahaman reformasi Islam.<sup>23</sup>

Pada bulan Zulkaedah 1314H (1869), Syeikh Tahir pulang semula ke Mekah dan mengajar ilmu Falak selama dua tahun. Pada masa yang sama

18 Untuk mengetahui biografi lanjut beliau, sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1990), “Pengaruh al-Azhar terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia”, Kertas Projek: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

19 Mukhtar Ramli (1980), *Inventori Surat-surat Persendirian Syeikh Tahir Jalaluddin*, Siri Pandu Cari Arkib Negara, Kuala Lumpur: Arkib Negara, h. vii; Mohd Sarim Mustajab (Dec 1977), *Syeikh Tahir: Malaysia in History*, vol. 20, Kuala Lumpur, h. 2.

20 CF. Daliar Noer (t.t), *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*. Kuala Lumpur, h. 34.

21 Mukhtar Ramli (1980), *op.cit.*, h. vii.

22 *Ibid.*

23 *Ibid.*



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

beliau menyebarkan fahaman pembaharuan kepada beberapa tokoh dari Nusantara dan antaranya ialah Syeikh Khalifah bin Ahmad al-Nabahiani, Syeikh Muhammad Jamil Jambe', Haji Sa'ad ibn al-Faqih 'Abd Daim (berasal dari Pulau Pinang).<sup>24</sup> Ini bererti Syeikh Tahir telah menyebarkan pemikiran 'Abduh kepada para pelajar Mekah dan sekaligus meresapi Nusantara. Justeru wujud persefahaman idea antara lulusan al-Azhar dan lulusan Mekah (yang memahami pembaharuan kerana ada juga wujud pertentangan yang akan dibincangkan selanjutnya).

Pada tahun 1899, Syeikh Tahir kembali ke Tanah Melayu dan mengajar ilmu agama yang bertujuan membersihkan masyarakat Melayu daripada belenggu adat yang bertentangan dengan ajaran Islam. Tahun 1900, Syeikh Tahir menetap di Kuala Kangsar dan berkahwin pada tahun 1901 dengan Aishah; anak gadis Haji Mustafa bin Datuk Menteri Sati yang berkuasa di Tanjung Ali, Tanjung Pauh Nawa. Hasil perkongsian hidup, beliau dikurniakan enam orang anak dan salah seorangnya adalah Y.B. Tan Sri Hamdan Syeikh Tahir, Gabenor Pulau Pinang.<sup>25</sup>

Pada tahun 1906, Syeikh Tahir telah ke Singapura dan memperjuangkan pemikiran pembaharuan. Pada bulan Julai 1906, Syeikh Tahir, Sayyid Syeikh al-Hadi, Haji 'Abbas bin Mohd Taha dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali telah mengusahakan majalah 'al-Imam' (pimpin) di Singapura. Majalah ini kemudiannya menjadi lidah rasmi untuk membawa pembaharuan sosial dan agama di kalangan masayarakat Melayu. Tujuan utama majalah ini adalah untuk 'mengingatkan mana-mana yang lalai dan mana-mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebijakan.'<sup>26</sup>

Pada keseluruhannya rencana-rencana dan makalah-makalah yang tersiar dalam 'al-Imam' adalah berkisar kepada persoalan agama yang seringkali berupa seruan untuk menyedarkan umat Islam yang telah sekian lama dihanyutkan oleh politik dan tipu helah penjajah. Selain daripada itu, al-Imam turut menekankan seruan ke arah pembaharuan pemikiran, sikap dan galakan terhadap umat Islam dalam bidang keagamaan, ekonomi dan pelbagai aspek kehidupan. Al-Imam turut berperanan menggalakkan ijtihad dan memecahkan benteng keklotan dan taqlid buta di kalangan umat Melayu waktu itu. Al-Imam turut menganjurkan agar umat Muslim menggunakan akal fikiran dengan sebaiknya berpandukan al-Quran dan al-Hadis dalam mencapai kemajuan dan pengetahuan seiring dengan Barat. Ini kerana Islam adalah agama pembangunan.

24 *Ibid.*

25 *Ibid.*, h. viii.

26 Mat Senin Rais (Januari 1974), "Majalah al-Imam Kecam Sikap Melayu", *al-Islam*, bil. 1, thn. 1. Kuala Lumpur: Utusan Melayu, h. 46.



Majalah al-Imam merupakan pencetus kebangkitan pembaharuan pemikiran di kalangan umat Melayu yang telah diusahakan secara bersama oleh Syeikh Tahir dan rakan-rakannya.<sup>27</sup> Kesan daripada penerbitan al-Imam ini telah turut mencetuskan fenomena penerbitan majalah lain seperti “Neraca” pada tahun 1911, “Pengasuh” tahun 1918 yang merupakan gelanggang dan penyambung lidah para penulis dan intelek Muslim waktu itu dalam menyuarakan fahaman-fahaman reformasi Islam di Mesir. Al-Imam dalam konteks ini merupakan majalah pelopor yang berjaya mengemukakan fikiran-fikiran baru dan revolusioner sebagai satu pembaharuan dalam isi kesusasteraan Melayu pada permulaan abad ke-20. Di sinilah terserlahnya ketokohan para pelopor intelek Melayu Muslim dan reformis Muslim seperti Syeikh Tahir, Sayyid Syeikh al-Hadi dan rakan-rakannya dalam menyebarkan pengaruh al-Azhar khususnya dalam perubahan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu-Malaysia.<sup>28</sup>

Selain daripada majalah al-Imam, Syeikh Tahir telah menyalurkan pemikirannya dalam bidang pendidikan dan penulisan yang ditonjolkannya dalam beberapa karya beliau dalam bahasa Arab seperti: “*Ithafa al-Murif fi Ahkam al-Tajwid* (1928)-telah digunakan bagi subjek tajwid di sekolah-sekolah Melayu, Muar, Johor bagi menengah satu, “*Natijatu al-Ummi* (1951)-Kalendar Islam dan Masihi dan penunjuk arah kiblat berasaskan pandangan Imam al-Shafi’e. Manakala karya beliau dalam bahasa Melayu adalah seperti “Perisai Orang Beriman Pengisi Mazhab (1936)”, “Ini Huraian Yang Membakar ‘Taman Persuratan’ (1938)”, “Risalah Penebas Bid’ah di Kepala Batas (1953)”.<sup>29</sup>

Syeikh Tahir telah turut menyumbangkan rencana-rencana ilmiah dalam majalah bercorak Islam seperti al-Ikhwan (1926-1931), Neraca (1911-1915), Bumiputra (1933-1936) dan Semangat Islam (1929-1931). Beliau dipercayai turut menulis dalam majalah Pengasuh (1918-1937).<sup>30</sup>

Salah sebuah terjemahan Syeikh Tahir daripada teks berbahasa Arab (*Qada wa Qadar*) telah menyeru masyarakat Melayu agar memahami dan mempelajari realiti agama dan memperkuatkan keimanan dan ketakwaan. Dr Roff (1974) menjelaskan pendirian Syeikh Tahir seperti berikut:

*“The root cause of the decline of the Islamic peoples from their past glory is that they have ceased their ignorance to*

27 Hamka (1958), *Ajahku : Riwayat Hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*, cet. 3. Djakarta: Widjaya, h. 233.

28 Ismail Ibrahim (Dr) (April 1977), “Sheikh Tahir Jalaluddin: Pelopor Gerakan Pembaharuan”, *Dakwah*, Bil. 2, Kuala Lumpur: Yayasan dakwah Islamiyyah Malaysia, h. 13.

29 Abu Bakar Hamzah (September 1988), “Sheikh Tahir Jalaluddin”, *MEDIUM*, Tahun 1, Bil. 1, Akademi Islam: Universiti Malaya, h. 93.

30 *Ibid.*



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

*follow the commands of God as expressed through the mouth and the life of His Prophet Muhammad. As an instrument for discovering and understanding the Divine Law, man has been gifted with intelligence (akal), an intelligence it is in cumber upon him to use and develop. Islam is not says al-Imam as its detractors allege, hostile to knowledge and progress such as is exemplified by the West. On contrary, a proper understanding of and submission to the law and spirit of Islam is our only means of competing successfully with those who now rule and lead us”<sup>31</sup>*

Syeikh Tahir telah meninggal dunia pada tahun 1957. Beliau telah menyumbangkan sesuatu yang amat bernilai dan berharga dalam usaha memberi kesedaran terhadap peran pentingnya pendidikan dan pembangunan umat Islam di Malaya khususnya.

Berasaskan latar belakang dan persekitaran kehidupan Syeikh Tahir, ternyata bahawa beliau telah terdedah dengan reformasi pendidikan yang berlaku sewaktu beliau menuntut di al-Azhar. Fenomena yang sama turut dialami oleh para pelajar yang belajar di sana. Ini telah memangkinkan Syeikh Tahir membawa masuk aliran *islah* ke Tanah Melayu kerana berkeyakinan ianya mampu membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan Islam masyarakat Melayu di Malaya dan sekaligus mendapat sokongan rakan pelajar Melayu yang turut menuntut di al-Azhar. Beliau meyakini bahawa sistem pendidikan Islam yang sistematik dan menggabungkan pengajian dualisme iaitu duniawi dan ukhrawi mampu menjana pemikiran dinamis, kreatif dan kritis dan umat Muslim mampu menghadapi apa juga perubahan masa dan karenah massa yang bakal mendarat.

Sebagai langkah awal ke arah melaksanakan hasratnya, Syeikh Tahir bersama rakan-rakannya telah berusaha menerbitkan majalah *al-Imam*<sup>32</sup> yang diadaptasi daripada majalah *al-Manar* di Mesir dan isi kandungannya disesuaikan dengan budaya dan persekitaran Tanah Melayu dan masyarakat Melayu. Majalah *al-Imam* telah dijadikan saluran penyebaran maklumat dalam mencapai cita-cita ke arah reformasi pendidikan Islam Tanah Melayu. Media cetak merupakan kaedah penyebaran maklumat yang efisen pada waktu itu kerana ia merupakan saluran berpengaruh, murah dan mampu dimiliki oleh hampir keseluruhan massa berbanding media elektronik yang jumlahnya amat terhad pada waktu itu. Syeikh Tahir seperti mana dijelaskan

31 William R. Roff (1974), *The Origins of Malay Nationalism*, 2nd ed, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 57.

32 Telah dijelaskan bahawa *al-Imam* merupakan pencetus kebangkitan pembaharuan pemikiran di kalangan umat Melayu yang telah diusahakan secara bersama oleh Syeikh Tahir dan rakan-rakannya.



telah turut menyumbang rencana-rencana ilmiah yang kritis menekankan kepentingan pendidikan Islam yang moden dan tersusun. Hasratnya itu mulai difahami dan masyarakat Melayu menyedari kekurangan mereka dan ini membuka peluang kepada Syeikh Tahir mengaplikasikan hasratnya. Namun, usaha Syeikh Tahir dan rakan-rakan beliau tidak semudah dijangka, kerana sikap segelintir masyarakat Melayu yang sukar menerima perubahan.

## PENGARUH AL-AZHAR TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DI TANAH MELAYU

Sebagaimana yang dipaparkan dalam sejarah bahawa kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu adalah agak daif khususnya di desa. Ini kerana segala kemudahan infrastruktur tertumpu di bandar. Apatah lagi sikap pemimpin Melayu yang kurang peka dengan nasib malang masyarakat Melayu desa. Masyarakat Melayu desa mendapatkan pengetahuan melalui pengajian dari rumah-rumah guru agama, madrasah atau surau dan pondok. Ilmu yang didapati hanya terhad kepada hal ehwal ibadat, tauhid dan akidah. Mereka tidak terdedah kepada kemajuan dan pembangunan diri dan ummah. Ini juga yang ditekankan oleh pihak British agar anak-anak masyarakat Melayu hanya pandai sedikit daripada ibubapa mereka. Keadaan ini telah mendorong golongan muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan tampil memperjuangkan nasib masyarakat Melayu khususnya di desa.

Pelbagai kaedah dilakukan untuk mencapai hasrat murni iaitu bagi merubah nasib masyarakat Melayu. Langkah utama dalam memberi kesedaran dan kefahaman, penyebaran maklumat disiarkan secara meluas melalui penerbitan majalah al-Imam. Sebagaimana yang kita telah sedia maklum bahawa al-Imam merupakan wahana kepada pencetusan kebangkitan kesedaran masyarakat Melayu yang telah dirintis oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan yang kebanyakannya berdarah Minang dan Arab; tetapi amat prihatin dengan nasib masyarakat Melayu. Hal ini disedari oleh para tokoh tersebut. Sehubungan dengan itu, para pendukung al-Imam ini telah menegaskan bahawa mereka merupakan golongan Melayu dan telah mengahwini wanita tempatan. Ketegasan ini dapat dinukilkhan daripada kenyataan Syeikh Mohd Salim (1906):

“Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh daripadanya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhatian kesenangan kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya?”<sup>33</sup>

---

33 *Al-Imam*, 23 Julai 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 7.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

Sehubungan dengan itu, kenyataan tersebut memperlihatkan kejujuran pelopor al-Imam dan para pendukungnya. Bahkan golongan ini berasa bertanggungjawab menyedarkan masyarakat Melayu dan memberi bimbingan dan sumbangan dengan menegaskan agar masyarakat Melayu tidak berterusan berkhayal sehingga menyebabkan kemunduran diri, tanah air, agama dan bangsa. Justeru, penerbitan al-Imam bertujuan dan berperanan sedemikian.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, golongan muda tersebut terpengaruh dengan cita-cita pembaharuan 'Abduh dan al-Afghani yang cuba mengembalikan umat Muslim kepada realiti ajaran agama Islam dan sekaligus menyaingi Barat. Usaha-usaha di Mesir itu disalurkan melalui penerbitan *al-Urwat al-Wusthqa* dan *al-Manar* yang menekankan aspek-aspek pendidikan. Ini kerana pendidikan mampu mencorakkan norma-norma kemajuan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara. Bahkan pendidikan juga merupakan dasar ke arah pencapaian objektif *islah*.

Syeikh Tahir Jalaluddin dan rakan-rakannya seperti Sayyid Syeikh al-Hadi ini kemudiannya dikenali sebagai kaum Muda. Adalah wajar memahami senario kaum Muda ini. Ini kerana kaum Muda dikategorikan kepada dua golongan iaitu golongan kaum Muda berkelulusan al-Azhar (Mesir) dan berkelulusan Mekah (Arab Saudi). Selain daripada dua golongan ini wujudnya golongan ulama yang turut dikenali sebagai kaum Tua yang lebih tertumpu kepada perbahasan perkara-perkara furu' sahaja demi kepentingan peribadi dan bukannya cenderung kepada perbahasan topik yang dasar. Kaum Muda yang cenderung melayan karenah kaum Tua sehingga menimbulkan pertelingkahan pendapat khususnya dalam perbahasan hukum seperti jilatan anjing dan seumpamanya terdiri daripada lulusan Mekah dan India (namun bukan semua). Keadaan ini telah mengakibatkan pemikiran masyarakat Melayu khususnya para remaja pada waktu itu tidak berkembang dan kritis; bahkan lebih cenderung menghabiskan masa dengan berhibur.<sup>34</sup> Keadaan ini turut mencambangkan pemahaman kepada masyarakat Melayu pada waktu itu bahawa orang alim sewajarnya menghabiskan masa dan perbincangan hanya di ruang lingkup masjid dan beribadat semata-mata tanpa mempedulikan dunia luar. Apatah lagi kebanyakannya menganuti Islam secara salah atau hanya mengikutinya sebagai pak turut' tanpa memiliki pandangan yang kritis. Ini mendorong masyarakat Melayu khususnya para remaja untuk tidak mendekati golongan ulama ini dan sekaligus mengakibatkan mereka enggan memahami realiti ajaran Islam.<sup>35</sup>

34 Al-Imam, 17 September 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 75.

35 Ibid.



Kaum Tua ini mengusutkan lagi keadaan dengan menolak sebarang bentuk pembangunan, kemajuan dan pemodenan dalam bidang kehidupan sekalipun dalam bidang pendidikan kerana bimbang anak-anak muda Melayu akan menyeleweng daripada tradisi agama. Kaum Tua melihat Islam adalah agama anutan, keyakinan dan ibadah semata. Justeru sebarang bentuk kemajuan dan kebudayaan daripada luar wajar ditolak kerana bimbang masyarakat Melayu tersesat.

Realitinya Islam adalah agama pembangunan dan kemajuan. Masyarakat Muslim yang wajar berkemampuan bersikap kritis dan selektif dan bijak memilih elemen-elemen yang serasi dan sesuai dan menolak unsur-unsur yang bertentangan dengan peradaban, agama dan budaya masyarakat Melayu. Ini kerana budaya Islam adalah budaya yang akomodatif, bersifat terbuka untuk menampung dan sekaligus mengintegrasikan unsur-unsur positif daripada budaya asing.

Namun, hasil usaha Syeikh Tahir dan rakan-rakan juga golongan muda berkelulusan Mekah yang pernah berguru dan terpengaruh dengan idea Syeikh Tahir lebih cenderung kepada pembaharuan dan turut membantu usaha-usaha kaum Muda berkelulusan Mesir. Ini sekaligus telah meletakkan lulusan Mesir menjadi orang tengah' dalam menyelesaikan hal-hal pertelingkahan sesama golongan tersebut. Akhirnya hasil usaha gigih kaum Muda berkelulusan al-Azhar telah memberi kesan tersendiri dalam membangkitkan kesedaran dalam minda masyarakat Melayu berhubung status mereka dalam sebuah masyarakat yang sedang pesat membangun (etnik Cina dan India yang terdiri daripada imigran mulai menempatkan diri mereka sebagai warganegara dan membangunkan ekonomi mereka masing-masing).

Usaha gigih Syeikh Tahir dan rakan-rakannya dapat dilihat daripada penekanan rencana dan artikel yang dipaparkan dalam al-Imam sebagai saluran penyebaran maklumat kesedaran masyarakat Melayu Muslim waktu itu. Al-Imam telah menekankan kepentingan pelajaran dan pendidikan Islam yang lebih sistematik sejak awal penerbitannya bersesuaian dengan tujuannya sebagai pencetus kebangkitan masyarakat Melayu Muslim. Al-Imam turut menekankan ilmu sejarah kerana ia merupakan kunci kesedaran dan kemajuan sesebuah bangsa. Sejarah juga membuktikan bahawa pendidikan adalah satu-satunya kaedah utama pembangunan dan kemajuan. Ini dapat dilihat daripada petikan artikel yang disiarkan dalam al-Imam:

...adakah umat yang di Tanah Eropah tiada dapat ianya membentangkan pemerintahannya daripada maghrib sampai mashriq melainkan dengan ilmu, dan umat Jepun yang tiada lebih bilangannya daripada lima puloh milion orang tiada



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

dapat ianya mengalahkan akan umat yang beratus-ratus milion bilangannya melainkan dengan pengetahuan”<sup>36</sup>

Al-Imam juga memuatkan kisah-kisah ketua dan pemimpin zaman silam serta bagaimana dan apakah metode pemerintahan mereka dalam mentadbir urus negara dan sekaligus mengembangkan ajaran Islam ke pelusuk dunia. Ini bertujuan menyedarkan pemimpin-pemimpin Melayu dan juga raja-raja Melayu mengenai tanggungjawab mereka kepada bangsa dan negara.<sup>37</sup> Al-Imam menyedari bahawa nasihat, teguran dan tunjuk ajar melalui rencana dan artikelnya tidak memadai bagi dijadikan metode untuk menegakkan bangsa Melayu. Namun, sekurang-kurangnya ia dapat menginsafkan bangsa Melayu berhubung kedudukan mereka di tanah air sendiri.<sup>38</sup>

Bertitik tolak daripada situasi itu, Syeikh Tahir dan rakan-rakan terus berusaha gigih menyedarkan masyarakat Melayu kembali kepada realiti ajaran Islam yang perlu dilihat secara meluas. Ini kerana pemikiran yang cetek dan kolot menjadikan masyarakat Melayu umat yang mundur. Islam adalah syumul dan bersesuaian dengan kehendak fitrah, semua keadaan dan zaman tetapi disebabkan oleh pandangan masyarakat yang sempit dan tidak memahami Islam sepenuhnya telah meletakkan mereka khususnya anak-anak remaja berfikiran bahawa lulusan agama selayaknya menghabiskan masanya dengan hanya berzikir di masjid dan tidak bergaul dengan individu selain dalam lingkungan mereka sahaja. Ini mengakibatkan anak-anak remaja enggan memahami dan mendekati realiti ajaran Islam sebagaimana yang telah dinyatakan dalam fakta terdahulu tentang perkara berkaitan.

Sehubungan dengan itu, al-Imam telah menyeru agar bangsa Melayu mencontohi Jepun yang mengambil kemajuan dan peradaban Barat dan menyesuaikannya dengan persekitaran masyarakat Jepun. Justeru, masyarakat Melayu juga mampu berubah tanpa mengenepekan soal akidah dan agama kerana Islam menganjurkan pembangunan dan kemajuan dalam kehidupan.

Sejarah telah mengajar kita bahawa memutuskan diri daripada akar budaya sendiri dan menerima budaya asing secara total tidak dapat menjadikan sesuatu bangsa itu kuat dan maju. Bangsa Turki moden adalah contoh klasik tentang kegagalan suatu bangsa untuk maju, kuat dan makmur dengan memutuskan diri mereka daripada agama dan akar budaya tradisi lalu memilih jalan sekularisasi dan pembaratan. Sebaliknya Jepun telah berjaya muncul sebagai raksasa industri tanpa bangsanya memutuskan diri mereka

36 *Al-Imam*, 23 Julai 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 3-4.

37 *Ibid*, h. 10.

38 *Al-Imam*, 17 September 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 75.



dari pada akar budaya tradisi. Memang dalam batas-batas tertentu, Jepun menerima pengaruh Barat tetapi ia memperoleh kekuatan asasnya daripada warisan budaya tradisinya iaitu ajaran *Zen-Buddhisme*. Begitu juga dengan Taiwan yang mengasaskan kekuatannya pada ajaran Konfusianisme.<sup>39</sup>

Tegasnya, faktor utama pendorong kemunduran bangsa Melayu suatu tika dahulu adalah kerana kejahilan dalam memahami kehendak agama dan tidak memahami kualiti tauhid dan jiwa merdeka. Sementelah lagi, bangsa Melayu pada waktu itu terlalu bergantung kepada bangsa lain dalam kebanyakan hal kehidupan khususnya ekonomi dan pendidikan.<sup>40</sup> Apatah lagi, bangsa Melayu kurang bersatu dan sentiasa prajudis antara sesama sendiri. Bangsa Melayu pada waktu itu tidak memahami pengertian dan kualiti tauhid yang ditegaskan oleh ajaran Islam yang mampu menyedarkan setiap individu penganut perihal maruah dan kedudukannya di tanahair sendiri sehingga menjadi suatu bangsa yang berkualiti.

Bangsa yang berkualiti merupakan bangsa yang membawa makna, positif dan mampu bertahan menggalangi taufan sejarah. Bangsa ini merupakan bangsa yang berjiwa merdeka, sensitif dengan maruah dan martabat bangsanya. Bangsa ini merupakan bangsa yang bebas daripada jiwa perhambaan, penghinaan tetapi sebaliknya kaya dengan cita-cita dan daya usaha.

Untuk menjadi bangsa berkualiti, umat Islam yang telah menjalani indoktrinasi tauhid sewajarnya telah bebas daripada jiwa perhambaan. Ini kerana pengesaan Tuhan membawa maksud secara sedar seseorang individu itu telah menolak sebarang pengabdian selain hanya kepada Allah. Dinamika tauhid telah membuktikan penghakisan jiwa hamba yang membelenggu sahabat Nabi s.a.w iaitu Bilal ibn Rabah, lalu tampil mendadak sebagai insan baru berjiwa merdeka dan sanggup menghadapi tribulasi dan mempertahankan keyakinannya iaitu tauhid yang telah mengangkat martabat keinsanannya.<sup>41</sup>

Pembebasan atau jiwa merdeka inilah yang telah menjadi teras risalah dan manifesto Islam kepada dunia. Selaras dengan itu, dalam sejarah umat Melayu, Islam turut menamatkan tradisi jiwa hamba dalam sistem feudalisme Melayu-Hindu. Islam telah mengangkat martabat 'orang-orang bawah' dan membebaskan mereka daripada diskriminasi budaya kasta.

Selain daripada itu, dinamika tauhid telah membentuk semula *worldview* dan sistem nilai Melayu berdasarkan ajaran Islam yang telah

39 Siddiq Fadil (1998), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), h. 3-4.

40 *Al-Imam*, September 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 73.

41 Sila rujuk Muḥammad al-Faqī (1979), *Qīṣāṣ al-Anbiyā’ Ahdathuhā wa ‘Ibāruhā.al-Qāherah*: Maktabah Wahbah, h. 112; Muhammad Ismā‘il Ibrāhīm (1981), *Qīṣāṣ al-Anbiya’ wa al-Rusul*. al-Qāherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 40.



## *Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia*

memusnahkan mitos raja sebagai jelmaan dewa iaitu warisan Hindu yang mewajibkan perhambaan diri kepada sang dewa dan meletakkan perubahan ke'raja'an kepada kesultanan yang memberi maksud pemegang amanah keadilan Ilahi, tempat berlindung rakyat yang teraniaya, ketaatan dan kesetiaan kepada ketua bersyaratkan keadilan.<sup>42</sup> Nilai keadilan inilah juga merupakan nilai yang menerasi tradisi politik Melayu-Islam.

Islam membuktikan kejayaan merombak pola hubungan raja-dewa dan hamba menjadi hubungan di antara pemerintah yang terikat dengan nilai pemeliharaan dan keadilan dan rakyat yang terikat dengan nilai kesetiaan. Ini memberi erti bahawa pemerintahan adalah berorientasikan tugas dan tanggungjawab, bukannya kemewahan dan berfoya-foyaan. Manakala rakyat dilayan sebagai individu yang mempunyai hak dan harga diri yang wajar dihormati namun, raja-raja Melayu pada waktu itu alpa dengan kemewahan, kurang peka dengan keadaan bangsa Melayu dan tidak membudayakan Islam dalam kehidupan walaupun Islam telah membuktikannya.

Ini kerana tanpa jiwa merdeka, sesuatu bangsa itu tidak akan mampu mencipta kegemilangan dalam sejarahnya. Impian untuk menjadi sebuah negara serba maju dalam segala serba-serbi akan hanya tinggal impian seandainya tidak dimulakan dengan usaha pembinaan kualiti bangsa, termasuk kualiti jiwa merdeka.

Oleh itu, setiap dari kita wajar bersedia untuk membongkar dan melemparkan segala unsur jiwa hamba yang masih tersisa. Untuk memungkinkan pertumbuhan jiwa merdeka wajar diwujudkan iklim dan budaya yang bercirikan kebebasan, persamaan dan keadilan. Iklim dan budaya seumpama ini turut merupakan nilai-nilai sejagat yang wujud dalam setiap ketamadunan bangsa dan agama dunia. Unsur-unsur yang bersifat budaya feudalistik wajar ditinggalkan termasuklah pendewaan terhadap seseorang tokoh dan amalan sambutan pemimpin dengan upacara yang keterlaluan dan berlebihan dalam suasana yang menonjolkan perbezaan status feudalannya.<sup>43</sup>

Ini bererti, kualiti dan dinamika tauhid menyerahkan jiwa merdeka dan berkualiti dalam mewujudkan manusiawi yang mapan dan adil serta mampu berkongsi bersama bangsa lain mewujudkan bangsa Tanah Melayu-Malaya yang maju berteraskan nilai-nilai universal dan kesejagatan ketamadunan dan budaya. Ini yang ingin dicapai oleh para pendukung al-Imam melalui pengaruh pengajian al-Azhar yang mereka perolehi yang disalurkan melalui pendidikan.

42 Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila rujuk Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100-109.

43 Siddiq Fadil (1998), *op.cit.*, h. 12-13.



Sehubungan dengan itu, pendidikan merupakan metode utama menyedarkan bangsa Melayu Muslim di Tanah Melayu selain daripada penyebaran maklumat melalui al-Imam. Dasar Pelajaran British di Tanah Melayu adalah dasar yang semata-mata mewujudkan anak-anak Melayu yang lebih pandai sedikit daripada orang tuanya yang bekerja sebagai petani dan nelayan. Akibatnya anak-anak Melayu lulusan pondok dan sekolah Melayu tidak mendapat layanan yang baik daripada pihak British. Hanya anak-anak Melayu yang berkelulusan Inggeris dan Maktab Melayu Kuala Kangsar yang dikhususkan kepada anak-anak raja dan kaya sahaja mendapat layanan istimewa. Pun begitu masih lagi hanya menjawat jawatan pegawai kelas bawahan. Ini mendorong anak-anak Melayu yang agak berada dan sedar akan kepentingan pengetahuan berusaha melanjutkan pengajian ke luar negara seperti di Mesir dan Mekah.

Usaha ini telah melahirkan anak-anak muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan menggembeling tenaga bersama-sama menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan pelajaran dan pendidikan. Mereka telah memberikan pandangan dan pemikiran bagi memperbaiki pendidikan dan pengetahuan anak-anak muda Melayu melalui saluran penyebaran maklumat al-Imam. Pandangan Syeikh Tahir dan rakan-rakan merupakan adaptasi daripada sistem pendidikan al-Azhar yang mereka sesuaikan dengan iklim dan budaya Tanah Melayu. Seruan Syeikh Tahir dan rakan-rakan ini kemudiannya mendapat perhatian daripada seorang penulis daripada Muar, Johor yang turut menggesa pihak kerajaan memperbaiki pelajaran anak-anak Melayu.<sup>44</sup> Penulis ini meyakini bahawa bangsa Melayu mampu membangun dan maju seperti bangsa-bangsa lain dengan syarat diberikan pelajaran dan pendidikan yang mencukupi. Pandangan beliau telah turut mendapat sokongan daripada Haji Mohd Tahir bin Haji Ahmad Bunjal, guru di sekolah Melayu di Pulau Tawar, Kuala Lipis Pahang.<sup>45</sup> Ini membuktikan bahawa peranan lulusan al-Azhar yang membawa idea pembaharuan dalam pendidikan di Tanah Melayu yang diadaptasi daripada *islah* di al-Azhar dan kemudiannya disalurkan dalam penerbitan al-Imam telah mendapat perhatian orang ramai. Ini membuktikan wujudnya kerjasama yang erat antara para reformis al-Azhar dan orang ramai dalam merubah bukan sahaja sistem pendidikan Islam di institusi pondok tetapi turut mendapat tempias perubahannya ialah pendidikan di sekolah Melayu agar lebih sempurna dan bersistematis.

Ini memangkinkan lagi bentuk-bentuk penulisan rencana dalam al-

44 Tidak dinyatakan siapa nama penulis tersebut. Sila rujuk Abdullah bin Haji Jaafar (1984) “al-Imam” dalam Khoo Kay Kim (ed. 1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Muzium Malaysia, h. 87-90.

45 *Ibid.*, h. 92.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

Imam yang dihasilkan oleh Syeikh Tahir dan Sayyid Syeikh al-Hadi yang menekankan ke arah kepentingan pembaharuan pendidikan khususnya pendidikan Islam dan keadilan dalam pemberian kerja kepada para lulusan sekolah Melayu dengan wujudnya perubahan dalam sistem pendidikan itu nanti.

Penggembelingan tenaga dilaksanakan bagi mewujudkan sistem pendidikan Islam yang lebih segar, moden dan sistematik sesuai dengan peredaran zaman dan masa. Apa yang ditekankan di sini ialah sistem pondok yang bercorak Fatani yang diusahakan oleh para lulusan Mekah dianjurkan untuk mempertingkatkan lagi sistem pelajarannya. Dalam masa yang sama, para lulusan al-Azhar telah membina sistem pendidikan Islam dalam bentuk sekolah yang lebih tersusun dan sistematik dengan menekankan subjek-subjek moden seperti bahasa Melayu, matematik, sains dan sejarah dan diimbangi dengan subjek-subjek agama, akhlak dan bahasa Arab.<sup>46</sup> Kerjasama antara lulusan al-Azhar dan Mekah dilihat sekali lagi sama-sama berusaha untuk merubah sistem pendidikan bangsa Melayu di Tanah Melayu.

Sistem pondok yang sedia wujud tidak terus lumpuh dengan kewujudan sistem pendidikan Islam secara sekolah tetapi terus berjalan seiringan untuk beberapa tempoh sehingga para penuntut sistem pondok sendiri merasai kekurangan daripada sudut ilmu berbanding rakan-rakan penuntut yang mendapat pendidikan Islam secara sistematik sekolah yang lebih tersusun. Keadaan ini mempercepatkan lagi proses perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu dan memangkinkan sistem pondok bertukar wajah. Sistem pondok tetap terus berjalan namun dengan suntikan subjek moden dan bersesuaian dengan peredaran masa dan zaman diperkenalkan. Subjek yang diajar adalah seimbang dengan tuntutan duniaawi dan ukhrawi. Ini diadaptasi daripada sistem sekolah Pendidikan Islam yang menerima pengaruh daripada al-Azhar. Ini bererti sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu dinikmati secara lebih tersusun dan bersistematik yang diperlihatkan oleh sistem sekolah Pendidikan Islam dan sistem pondok. Namun, tidak semudah itu masyarakat Melayu menerima perubahan khususnya mereka yang tidak memahami tujuan murni sistem pendidikan Islam yang dilihat terpengaruh dengan idea *islah* di al-Azhar.

Hasil usaha para reformis ini akhirnya membuatkan kejayaan apabila sebuah sekolah yang moden dan lengkap dengan segala prasarana dan infrastruktur telah didirikan di Singapura (waktu itu sebahagian daripada Malaya) yang dikenali sebagai Madrasah al-Iqbal di bawah naungan Raja

46 Abdul Halim Ahmad (1984), "Pendidikan Islam di Kelantan," dalam Khoo Kay Kim (1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Muzium Malaysia, h. 54.



Ali ibn al-Marhum Ahmadi yang telah dirasmikan pada 21 November 1907. Sekolah ini dianggap sebagai perintis ke arah sistem pendidikan Islam yang bersistematis dan penghidupan ilmu sebenar sepertimana yang dinukilkkan daripada ucapan perasmianya:

“.....Hari Raya bagi permulaan menghidupkan ilmu dengan peraturan pelajaran baru” (*al-Imam*, Februari 1908, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 264)

Bertitik tolak daripada penubuhan sekolah tersebut, bermulalah era baru bagi pendidikan Islam yang menuju ke arah lebih bersistematis dan formal berbanding dengan sistem pondok sebelum ini. Subjek-subjek tidak lagi tertumpu kepada persoalan ibadah, tauhid dan akidah semata-mata bahkan lebih komprehensif dalam kurikulum pelajaran yang merangkumi subjek-subjek agama Islam, bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, matematik, geografi, sejarah, khutbah dan karang-mengarang (penulisan). Di samping itu, terdapat kemudahan asrama, perubatan percuma dan seumpamanya bagi memajukan lagi sistem pentadbiran sekolah agama. Sistem pendidikan ini didasarkan kepada corak dan sistem pendidikan al-Azhar yang memberikan kemudahan kepada para penuntutnya dan sekaligus mengamalkan demokrasi pendidikan Islam. Corak dan sistem pendidikan al-Azhar ini dibawa masuk oleh para lulusan al-Azhar yang menyebarkannya melalui penerbitan *al-Imam*<sup>47</sup>.

Sehubungan dengan itu juga, gerakan *islah* semakin pesat dengan usaha-usaha para lulusan al-Azhar yang dapat dilihat melalui kempen-kempen al-Imam yang kemudiannya menyedarkan masyarakat Melayu khususnya golongan elit tentang kepentingan pendidikan Islam yang tersusun dan bersistematis.

Kesan daripada usaha lulusan al-Azhar dan penubuhan sekolah al-Iqbal telah mendorong kepada pembinaan sekolah-sekolah agama yang bersistematis dan formal yang lengkap dengan segala infrastruktur dan kemudahan meliputi pendidikan dan pentadbiran. Sistem integrasi ilmu yang ditekankan dalam sistem pendidikan Islam telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini jelas dalam tempoh 40 tahun (1900-1940), sekolah-sekolah agama telah dibina dengan pesat sekali. Antaranya yang masyhur adalah seperti pembinaan sekolah al-Mashor al-Islamiyyah di Pulau Pinang pada tahun 1914, Madrasah al-Idrisiah, Kuala Kangsar pada tahun 1922, Madrasah Zainal Abidin, Terengganu, pada tahun 1925.<sup>48</sup> Pada tahun 1934, lahir sebuah sekolah agama yang popular di kalangan masyarakat Melayu

47 *Ibid.*

48 Yazid Othman (1978), “Sekolah Zainal Abidin dan Tokoh-tokohnya”, *Berita Minggu*, 30 Julai 1978, h. 10.



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

Semenanjung kerana menjadi wadah politik dan mulai menggugat kuasa penjajah Inggeris; iaitu Ma'ahad al-Ihya al-Syarif, Ujong Semanggol, Perak dan Ma'ahad Mahmud Alor Setar, Kedah.<sup>49</sup>

Selain daripada itu, lulusan al-Azhar ini turut menekankan kepentingan pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak perempuan. Mereka juga berpendapat bahawa kaum wanita harus diberi pendidikan dan peluanguntuk mereka berperanan dalam masyarakat. Pendapat ini dijelaskan melalui karya novel 'Faridah Hanum'(1925-1926) yang ditulis oleh Syeikh al-Hadi.<sup>50</sup>

Tegasnya, wanita-wanita Melayu wajar diberikan peluang sama rata dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna dan bekerja dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan situasi mereka dan tidak hanya terkurung di rumah tanpa ilmu pengetahuan. Ini penting kerana anak-anak perempuan bakal menjadi pendidik kepada generasi seterusnya. Generasi muda ini wajar dilengkапkan dengan ilmu pengetahuan yang bermula di rumah lagi agar mereka tidak dibelenggu kejahilan.

Di samping itu, usaha gigih dilakukan dalam mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu secara meluas dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1950an telah timbul semula perbincangan penubuhan Kolej Islam Malaya yang pernah dibahaskan dan dibangkitkan sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Ini adalah rentetan daripada pertumbuhan pesat sekolah-sekolah agama dan Arab yang telah didirikan hasil daripada kesedaran berhubung kepentingan pendidikan Islam. Masyarakat Melayu menyedari keprluan sebuah institusi Islam atau Universiti Islam di Tanah Melayu didirikan memandangkan perkembangan pesat sekolah-sekolah agama melahirkan para ilmuwan Muslim yang memiliki kemahiran dan pengetahuan ilmu duniawi dan ukhrawi. Hasil usaha beberapa pihak khususnya oleh Prof Dr. Zulkifli Muhammad yang mencetuskan idea ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Pengurus Pertubuhan Kolej Islam bagi menyusun perjalanan penubuhannya.<sup>51</sup> Ia mendapat sokongan padu daripada kerajaan Mesir dari sudut kewangan dan tenaga pengajar. Justeru, kurikulum pelajaran turut diteliti agar bersesuaian dengan persekitaran, iklim dan budaya di Tanah Melayu. Ini bererti sekali lagi pengaruh al-Azhar terserlah dalam penyusunan kurikulum pelajaran dan pendidikan kolej tersebut. Kini Kolej Islam menjadi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah melakarkan perubahan kurikulum bersesuaian dengan fungsinya

49 Nabir Abdullah (1961) "Ma'ahad al-Ihya' al-Syarif". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan).

50 Alwi bin Sheikh al-Hady (t.t), *Inventori Surat-surat Persendirian Riwayat Hidup Sayyid Syeikh bin Ahmad bin Hassan al-Hady (SP 24)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 8.

51 William R. Roff (1974), *op.cit*, h. 8.



sebagai sebuah fakulti Pengajian Islam dan memenuhi tuntutan semasa.

Selain daripada itu, lahirnya penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang turut terpengaruh dengan corak pengajian al-Azhar. Sungguhpun pembinaannya berpunca daripada isu politik yang diusahakan oleh Parti Islam Malaysia (PAS), namun apa yang lebih utama adalah YPTIK dapat berfungsi sebagai sebuah institusi pengajian Islam yang boleh dibanggakan. Kini yayasan tersebut telah menjadi sebahagian daripada Akademi Pengajian Islam yang turut menggabungkan Akademi Islam dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kurikulum pengajiannya turut berubah mengikut arus peredaran dan memenuhi tuntutan semasa dan lebih bersesuaian dengan multidisiplin pengajian. Ini adalah hasil daripada integrasi ilmu yang diserap masuk daripada sistem al-Azhar.

Sejarah perkembangan awal sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula daripada sistem pengajian di rumah-rumah guru agama, madrasah atau surau, pondok dan akhirnya wujud sistem persekolahan yang lebih tersusun dan bersistematik. Perkembangan perubahan ini adalah hasil usaha gerakan reformis daripada al-Azhar seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh al-Hadi, Prof. Dr. Zulkifli Muhammad dan ramai lagi. Usaha-usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran sebelum idea perubahan mereka diterima oleh keseluruhan masyarakat Melayu. Usaha ini bertambah sukar kerana pembaharuan yang dibawa oleh para lulusan al-Azhar itu adalah hasil daripada pengaruh tokoh-tokoh reformis daripada al-Azhar, Mesir yang tidak disenangi oleh golongan Tua di Tanah Melayu.

## KESIMPULAN

Reformasi pendidikan sewajarnya dilaksanakan dengan tidak melupakan aspek persekitaran, faktor sejarah dan ketuanan bangsa bagi menjamin kesinambungan yang tekal dan mapan. Oleh itu setiap gagasan adalah wajar asli dan sesuai dengan iklim, budaya dan peradaban bangsa, ekonomi, persekitaran politik dan sosial setempat. Ini kerana pendidikan bakal membentuk ummah. Oleh itu, corak dan sistem pendidikan wajar secocok dan sesuai dengan jiwa insan yang bakal menerima pendidikan tersebut. Pembentukan ummah ini bererti pembangunan insan seutuhnya.

Selain daripada itu, pendidikan berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith dan dimanifestasikan dalam bentuk pentafsiran yang segar, efisen bersesuaian dengan tuntutan masa dan insan turut sewajarnya digarabkan. Pendidikan Islam amat menitikberatkan kedua-dua elemen ini dan amat wajar diperkuuhkan lagi bagi pembangunan insan yang mapan.

Di samping itu juga penggarapan metode Timur dan Barat akan melahirkan insan yang seimbang dan memenuhi matlamat pendidikan



## Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia

khususnya yang memiliki roh Islam. Sekiranya gagal diterapkan, sistem pendidikan yang terus berubah tidak dapat melahirkan jiwa merdeka yang memiliki kualiti tauhid dan berani menelah masa depan ummah berasaskan nilai dan perspektif dan budaya kita. Kita wajar bersikap realistik dan memahami situasi global dan realiti *Independence* dengan kita merupakan *global village*. Kita perlu ada keberanian menentukan haluan masa depan ummah. Kita tidak harus melihat pendidikan hanya sekadar proses memperolehi maklumat dan kemahiran menggunakan teknologi baru; tetapi lebih daripada itu dan yang utama adalah proses pembebasan bangsa daripada belenggu kejihilan. Inilah yang sebenarnya dilihat dan dinilai oleh para lulusan al-Azhar dalam membawa perubahan kepada sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu. Sewajarnya kita mendepani cabaran bagi melahirkan insan yang kamil, berilmu, bijak dan profesional dalam hal ehwal duniai dan ukhrawi dengan mempertemukan titik antara metode Timur dan Barat dan sekaligus meninggikan roh Islam dalam sistem pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

Abdul Halim Ahmad (1984), “Pendidikan Islam di Kelantan” dalam Khoo Kay Kim (1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara; Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah bin Haji Jaafar (1984) “al-Imam” dalam Khoo Kay Kim (ed. 1984), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Muzium Malaysia.

Abu Bakar Hamzah (September 1988), “Sheikh Tahir Jalaluddin”, *MEDIUM*, Tahun 1, Bil. 1, Akademi Islam: Universiti Malaya.

*Al-Imam*, 17 September 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Al-Imam*, 23 Julai 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Al-Imam*, September 1906, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Alwi bin Sheikh al-Hady (t.t), *Inventori Surat-surat Persendirian Riwayat Hidup Sayyid Syeikh bin Ahmad bin Hassan al-Hady (SP 24)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.



*Jurnal Usuluddin*

Andaya Barbara Watson Dan Leonard (1983), *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: MacMillan

Buyong Adil(1983), *Perjuangan Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

CF. Daliar Noer (t.t), *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*. Kuala Lumpur.

Ismail Ibrahim (Dr) (1977), “Sheikh Tahir Jalaluddin: Pelopor Gerakan Pembaharuan”, *Dakwah*, bil. 2, Kuala Lumpur: Yayasan dakwah Islamiyyah Malaysia.

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1990), “Pengaruh al-Azhar terhadap Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia”, Kertas Projek: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Laman web: <http://members.tripod.com.PBMUM.Sejarah/31.html>. 6 April 2009

Lofti Ismail (1978), *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur :Utusan Publications & Distributors.

Mat Senin Rais (Januari 1974), “ Majalah al-Iman Kecam Sikap Melayu”, *al-Islam*, bil. 1, thn. 1. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

Mohammad Redzuan Othman (2006), *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad al-Faqī (1979), *Qisāṣ al-Anbiyā’ Ahdathuhā wa ‘Ibāruhā*. al-Qaherah: Maktabah Wahbah.

Muhammad Ismā'il Ibrāhīm (1981), *Qisāṣ al-Anbiyā’ wa al-Rusul*. al-Qaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi.

Mukhtar Ramli (1980), *Inventori Surat-surat Persendirian Syeikh Tahir Jalaluddin*, Siri Pandu Cari Arkib Negara. Kuala Lumpur: Arkib Negara.

Mohd Sarim Mustajab (Dec 1977), *Syeikh Tahir: Malaysia in History*, Vol. 20. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ilmu Sdn. Bhd.



*Pengaruh Al-Azhar Terhadap Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu-Malaysia*

Nabir Abdullah (1961) “Ma’ahad al-Ihya’ al-Syarif”. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan)

R. Suntharalingam, Abdul Rahman Ismail (1985), *Nasionlisme Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya :Penerbit Fajar Bakti.

Radin Soernano (1 March 1960), *Malay Nationalism, 1900-1945*, J S E A H, V. 1

Siddiq Fadil (1998), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Tan Ding Eing (1975/1979), *Sejarah Malaysia Dan Singapura*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti,

William R. Roff (1967), *The Origins of The Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

William R. Roff (1974), *The Origins of The Malay Nationalism 2nd Ed.* Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Yazid Othman (1978), “Sekolah Zainal Abidin dan Tokoh-tokohnya”, *Berita Minggu*, 30 Julai 1978.

